

D807

U B133 DEB
UMNO - MT

KUALA LUMPUR, 20 APRIL (BERNAMA) -- PERHIMPUNAN AGUNG UMNO JUMAAT INI TIDAK AKAN DIHADIRI OLEH PARA JEMPUTAN KHAS SEPerti PADA MASA-MASA LEPAS KERANA TIDAK CUKUP RUANG DALAM DEWAN PERSIDANGAN DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD.

BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA MAJLIS TERTINGGI PARTI YANG MENGADAKAN MESYUARAT KHAS HARI INI, MEMBUAT KEPUTUSAN SUPAYA JEMPUTAN YANG DIEDARKAN KEPADA PARA JEMPUTAN KHAS DITARIK BALIK.

JEMPUTAN KHAS ADALAH TERDIRI DARIPADA PUCUK PIMPINAN PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL, BEKAS-BEKAS PRESIDEN UMNO DAN ORANG-ORANG TERTENTU TERMASUK PARA PERWAKILAN NEGARA ASING.

MT MENGAMBIL KEPUTUSAN ITU SEJAJAR DENGAN PERLEMBAGAAN PARTI DAN PERATURAN PERSIDANGAN YANG MENGHENDAKI SUPAYA PEMILIHAN DIADAKAN DI DEWAN PERSIDANGAN SENDIRI, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MESYUARAT KHAS ITU DI IBU PEJABAT UMNO DI SINI.

BELIAU BERKATA SEHUBUNGAN DENGAN ITU SEBAHAGIAN DARIPADA RUANG DALAM DEWAN PERSIDANGAN AKAN DIPENUHI OLEH PONDOK-PONDOK PENGUNDIAN DAN PETI-PETI UNDI. -- LAGI.

1307MST 20 04 87

D816

U B139 DEB
UMNO - MT 2 KUALA LUMPUR

SEBELUM INI PEMILIHAN PARTI ITU DIJADUALKAN DIADAKAN DI DEWAN TUN HUSSEIN ONN IAITU DI LUAR DARIPADA DEWAN PERSIDANGAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MEMANDANGKAN PENGUNDIAN HENDAK DIADAKAN SECEPAT MUNGKIN SUPAYA TAMAT SEBELUM PUKUL 1 TENGAH HARI UNTUK SEMBAHYANG JUMAAT, TEMPAT-TEMPAT MENGUNDI SERTA PETI UNDI PERLU DIATUR DALAM DEWAN PERSIDANGAN LEBIH AWAL.

SEKIRANYA PARA JEMPUTAN KHAS BERADA BERSAMA-SAMA DALAM DEWAN PERSIDANGAN, PERSIAPAN ITU TIDAK DAPAT DIBUAT DENGAN LEBIH AWAL.

BELIAU BERKATA JUMLAH PERWAKILAN KALI INI JUGA TELAH BERTAMBAH RAMAI DAN LEBIH BANYAK RUANG DIPERLUKAN UNTUK MEREKA.

KATANYA SELAIN DARIPADA PERWAKILAN SERAMAI 1,484 ORANG TERMASUK ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI, YANG TURUT DIBENARKAN BERADA DALAM DEWAN PERSIDANGAN IALAH 10 ORANG PEMERHATI DARIPADA TIAP-TIAP 133 BAHAGIAN UMNO SERTA DUA ORANG TETAMU BAGI SETIAP ANGGOTA MT.

BELIAU BERKATA ANGGOTA PARTI YANG LAIN YANG DATANG KE IBU NEGARA UNTUK MENGIKUTI PERSIDANGAN HARI PERTAMA BOLEHLAH PERGI KE STADIUM NEGARA UNTUK MENGIKUTI PERSIDANGAN BERKENAAN YANG DISIARKAN SECARA LANGSUNG OLEH RTM. -- LAGI.

1336MST 20 04 87

B B169 DEB
UMNO - MT 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SIARAN LANGSUNG ITU MELIPUTI UCAPAN PRESIDEN MANAKALA ACARA PEMBENTANGAN USUL DAN PERBAHASAN TIDAK DISIARKAN.

BELIAU BERKATA ADA KEMUNGKINAN KEPUTUSAN PEMILIHAN MT YANG AKAN DIUMUMKAN OLEH Pengerusi Tetap UMNO JUGA DISIARKAN SECARA LANGSUNG JIKA KEPUTUSAN DIPEROLEHI DALAM TEMPOH WAKTU SIARAN RTM.

PENGIRAAN UNDI AKAN DIJALANKAN DI DEWAN TUN DR ISMAIL DAN SETIAP CALON DAN BAHAGIAN MASING-MASING DIBENARKAN MENGHANTAR SEORANG WAKIL UNTUK MENYAKSIKAN PENGIRAAN UNDI YANG DIJALANKAN OLEH 100 ORANG BELIA DARI PUSAT LATIHAN BELIA DUSUN TUA.

SETIAUSAHA AGUNG UMNO DATUK SERI SANUSI JUNID PULA BERKATA BAGI MEMASTIKAN PENGUNDIAN BERJALAN LANCAR, MT MEMBERI MANDAT KEPADA IBU PEJABAT UMNO UNTUK MENAMBAH JUMLAH PONDOK PENGUNDIAN DARIPADA 64 YANG DITETAPKAN SEBELUM INI.

KATANYA PENGUNDIAN DIJALANKAN SECARA MENGIKUT BARISAN TEMPAT DUDUK DAN BUKAN MENGIKUT BAHAGIAN-BAHAGIAN UMNO SEPERTI SEBELUM INI.

SEMENTARA ITU Pengerusi Tetap UMNO TAN SRI SULAIMAN NINAM SHAH BERKATA BELIAU BERPUAS HATI DENGAN SUSUNAN ACARA PERSIDANGAN YANG DIPERSETUJUI OLEH MT DAN YAKIN PERSIDANGAN BERJALAN LANCAR JIKA SEMUA PERWAKILAN MEMATUHI PERATURAN PERSIDANGAN DAN PERLEMBAGAAN UMNO. -- BERNAMA.

1555MST 20 04 87